

Hala Tuju Pengajian Umum Di Alaf Baru*

(*Directions of General Studies in the New Millennium*)

ABDUL LATIF SAMIAN

ABSTRAK

Bidang pengajian umum di institusi pengajian tinggi tempatan secara formalnya adalah disiplin yang agak baru diberikan kepentingan. Perlaksanaannya yang sentiasa perlu mengambil kira kehendak semasa dan perkembangan terkini menyebabkan aspek perubahan begitu ketara sekali dalam disiplin ini berbanding dengan disiplin tradisional. Kertas kerja ini menghalusi lagi kemajuan yang dicapai dengan membincangkan cabaran-cabaran yang sedang dan bakal dihadapi demi menjadikan disiplin ini setara dengan disiplin-disiplin keilmuan yang lain.

Kata kunci: pengajian umum; disiplin keilmuan

ABSTRACT

Formally, the field of general studies in local institutions of higher learning is a discipline which has only been given attention recently. Its implementation, which always takes the current needs and the latest developments into account, has led to significant changes in the said discipline as compared to more traditional disciplines. This paper delineates the progress achieved by discussing the challenges that are being faced and will be faced in order to make this discipline on a par with other disciplines.

Keywords: general studies; discipline

PENGENALAN

Negara kita sedang membangun dengan pesatnya baik sebelum mahupun selepas kegawatan ekonomi pada abad yang lepas. Melangkahnya kita dengan lebih laju untuk menjadi negara industri yang maju menyebabkan kita memerlukan persediaan-persediaan yang lebih moden dan terkini. Satu daripada bidang pengajian yang semakin popular di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan ekoran daripada perkembangan positif ini, adalah bidang pengajian umum.

Pengajian umum masih tidak begitu terkenal kerana “umumnya” itu. Istilah “umum” sering disinonimkan dengan “teras”, “rendah” dan “awalan”. Jika kita menerima pandangan bahawa zaman ini adalah zaman pengkhususan, maka tidaklah sukar untuk kita memahami betapa sempitnya ruang yang ada untuk ilmu yang bernama “umum” itu. Mungkin disebabkan nama inilah, maka bidang yang mungkin disamakan dengan bidang ini dalam kurikulum formal, adalah mata pelajaran pengajian am yang dulunya disajikan di peringkat tingkatan enam.

* Artikel ini diterbitkan semula dari Abdul Latif Samian & Mohamad Sabri Haron (2000), *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajian Umum di Alaf Baru*, UKM Bangi: Pusat Pengajian Umum.

Menyedari bahawa sumber manusia adalah aset yang terpenting sekali dalam membangunkan negara, maka beberapa institusi-institusi pengajian tinggi tempatan telah menyediakan kursus-kursus pelengkap kepada kursus teras yang ada unsur-unsur pengajian umum di situ. Universiti Utara, Universiti Putra dan Universiti Kebangsaan Malaysia adalah antara universiti-universiti yang telah menformalkan beberapa kursus yang dianggap sebagai pengajian umum seperti kemahiran berfikir, kemahiran interpersonal dan hubungan insan.¹

Namun demikian, kursus-kursus yang diberikan ini lebih bersifat pengenalan dan jika diselidiki dengan lebih mendalam lagi, tenaga yang mengajarnya tidak mengkhusus dalam bidang yang dikatakan sebagai “pengajian umum” itu. Maksudnya, bidang-bidang ini lebih sebagai memenuhi minat dan kecenderungan terbaru dan bukannya hasil daripada perancangan yang rapi.² Seseorang tenaga pengajar itu mungkin berpendidikan lanjutan dalam bidang sains hayat tetapi meminati pengajian tamadun menyebabkan beliau mengajar tamadun ataupun seseorang pensyarah itu barangkali ingin mengetahui dengan lebih mendalam tentang hubungan insan menyebabkan beliau tertarik untuk menguasai dan mengajar kursus tersebut walaupun mendapat ijazah sarjana dalam bidang undang-undang.

Scenario di atas hanyalah sebahagian daripada perkara-perkara yang mewarnakan bidang pengajian umum di negara kita. Jika kita halusi lagi mengenai status pengajian umum ini, maka kita akan dapati beberapa ketidaksekataan yang menjadi cabaran kepada berkembangnya pengajian umum dengan lebih mantap lagi pada masa lima tahun akan datang berbanding dengan cara berkembangnya bidang-bidang lain seperti pengajian bahasa, matematik, kimia ataupun usuluddin. Berikut adalah status dan cabaran-cabarannya yang dihadapi oleh pengajian umum sebelum kita memetakan kedudukan masa depannya.

CITRA PENGAJIAN UMUM

Bidang pengajian umum yang belum begitu kukuh menapak seperti bidang-bidang tradisional ini mencetuskan reaksi yang berbeza daripada masyarakat. Dari maklum balas yang diperolehi,³ sikap orang ramai terhadap bidang pengajian ini boleh dikategorikan kepada tiga iaitu; 1) meremehkannya, 2) ingin tahu dan 3) menyetujui kepentingannya.

Golongan yang meremehkan bidang pengajian umum beranggapan bahawa era ini adalah era pengkhususan. Masa depan dipenuhi dengan para pakar yang semakin mendalam dan mengkhusus pengetahuannya. Misalnya dalam bidang perubatan, kepentingan doktor am semakin menurun sementara peranan dan keperluan terhadap doktor pakar semakin meningkat. Begitu juga dalam bidang teknologi maklumat. Rata-rata jumlah orang ramai yang tahu menggunakan komputer untuk pemprosesan kata semakin bertambah dan hanya sebilangan kecil sahaja yang tidak tahu menggunakan internet untuk komunikasi asas. Pengetahuan untuk pemprosesan kata menjadi seperti pengetahuan untuk menaip pada awal tahun enam puluhan, di mana ketika ini tidak ada kelebihannya lagi jika kita tahu menggunakan komputer untuk pemprosesan kata. Perkembangan ini, menurut mereka,

menunjukkan ruang untuk sesuatu bidang yang umum sifatnya itu menjadi semakin kecil, apatah lagi di institusi pengajian tinggi. Seharusnya, lagi tinggi institusi itu lagi khususlah bidang pengajiannya. Keadaan inilah yang menjadikan bidang pengajian umum remeh-temeh sifatnya.

Golongan yang pertama ini juga menganggap bidang pengajian umum itu sebenarnya adalah bidang pengajian am. Oleh kerana keumumannya maka bidang ini harus diselesaikan di peringkat sekolah dan bukannya di institusi pengajian tinggi. Zaman ini yang menyaksikan ledakan maklumat tidak memungkinkan tercapainya bidang yang dinamakan “pengajian am” itu kerana terlalu banyaknya maklumat yang diklasifikasikan sebagai am. Sebelum adanya ledakan maklumat seperti zaman pertengahan maupun sewaktu revolusi sains, teknologi dan industri di Eropah, orang ramai masih boleh lagi diberikan pengetahuan am yang piawainya melalui *trivium* dan *quadrivium* kerana hanya terdapat sedikit sahaja buku yang membicarakan bidang-bidang seperti tatabahasa, retorik, lojik, aritmetik, astronomi, geometri dan muzik.⁴ Akan tetapi jumlah mata pelajaran dan juga penerbitan yang membicarakan sesuatu topik itu sahaja ada kalanya telah mengalami pertumbuhan eksponen. Ambillah pelajar disiplin matematik sebagai contohnya. Walaupun seseorang pelajar matematik itu berjaya mendapat ijazah pertama dalam bidangnya, masih terdapat ratusan lagi buku dan jurnal yang ditulis dalam bidangnya yang mana pelajar itu langsung tidak mengetahui kewujudannya apatah lagi menelaahnya. Tegasnya, bidang pengajian umum yang disamakan dengan pengajian am itu tidak harus ditempatkan di institusi-institusi pengajian tinggi. Mungkin tempat yang paling baik adalah di sekolah menengah sebelum ke tingkatan empat kerana selepas itu telah ada pengkhususan iaitu sekurang-kurangnya ke bidang sains atau sastera.

Golongan kedua iaitu golongan yang ‘ingin tahu’ jumlahnya kurang sedikit daripada golongan yang pertama tadi. Istilah “pengajian umum” itu adalah istilah yang pelik bagi mereka, khususnya bagi yang tidak sempat mengambil tingkatan enam (pengajian am) kerana kecemerlangan ataupun kegagalan mereka dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Golongan yang gagal itu kebiasaananya tidak berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang pengajian umum. Golongan yang cemerlanglah yang sering bersifat ingin memastikan makna sebenar sesuatu itu sebelum mengeluarkan pendapat mereka. Mereka ingin tahu lebih lanjut tentang pengajian umum kerana beberapa sebab. Satunya, kerana bidang ini sebagai satu disiplin, jarang sekali kedapatan di institusi-institusi pengajian tinggi Negara-negara Komanwel, yang mana sistem pendidikan tingginya berpaksikan kepada England. Keduanya, kerana bidang pengajian umum - tidak seperti bidang pengajian tradisional - tidak mempunyai lulusannya, di mana tidak ada pelajar yang mengkhusus dalam bidang pengajian umum sekaligus mendapat ijazah dalam bidang tersebut. Oleh itu tidak seperti bidang kejuruteraan misalnya, tidak ada lulusan bidang pengajian umum yang dapat memartabatkan bidang ini apabila mereka berkhidmat dalam masyarakat seperti lulusan bidang-bidang lain.

Golongan yang ketiga adalah golongan yang memahami bahawa pengkhususan tidak membawa akibat yang positif jika tidak diasaskan kepada pengetahuan sampingan yang seimbang dalam diri pelajar. Yang hendak dikeluarkan oleh universiti adalah manusia dan

bukannya alat pembangunan sahaja, yang tidak sewajarnya hidup untuk bekerja ataupun sekadar bekerja untuk hidup, tetapi bekerja dalam bidang profesionnya sebagai salah satu daripada aktiviti-aktiviti penting yang merasionalkan kewujudannya di bumi ini. Bidang pengajian umum mengukuhkan lagi status ilmu dalam diri pelajar kerana dengan adanya ilmu umum seperti kemahiran berfikir, kemahiran interpersonal, ilmu kenegaraan dan pengajian peradaban, mereka dapat menempatkan diri mereka dalam rantaian kemanusiaan dengan perspektif yang lebih luas dan boleh berfungsi dengan lebih berkesan.

Golongan yang ketiga ini juga menyetujui bahawa sesebuah institusi pengajian tinggi itu, sebagai sebuah universiti, seharusnya menghasilkan pelajar yang dapat menyesuaikan dirinya dengan cepat dalam sebuah masyarakat moden.⁵ Dalam masyarakat yang sering berubah ini, kita dapat mata pelajaran yang diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah seringkali tidak dapat diterjemahkan ataupun tidak lagi relevan tatkala pelajar tersebut menjadi ahli masyarakat sepenuh masa, iaitu khususnya ketika telah melangkah ke alam pekerjaan. Sebagai contohnya, mata pelajaran etika dan moral di peringkat sekolah tidak membahaskan dengan mendalam isu-isu kefalsafahan semasa yang mendasari pertimbangan moral. Ciri hidup kekeluargaan yang sering kali diketengahkan dalam mata pelajaran agama pula tidak mengfokuskan kepada gaya hidup masyarakat industri yang memberikan penekanan yang berbeza misalnya tentang kepentingan ketepatan masa, corak hubungan kasih sayang insan di era teknologi maklumat dan pelbagai kaedah menangani masalah kekeluargaan melalui sains dan teknologi, lantaran kerana kurangnya pemahaman tentang keupayaan yang ada pada sains dan teknologi dalam menyelesaikan masalah harian.

Kursus-kursus pengajian umum tidak boleh menyelesaikan semua masalah yang berkaitan dengan kehidupan dalam masyarakat moden dan hambatan ini juga disedari oleh golongan yang menyetujui adanya peranan untuk bidang pengajian umum. Namun demikian, kesusahan yang sama juga dihadapi oleh bidang-bidang pengkhususan lain seperti kejuruteraan dan bahasa ataupun sains politik. Berapa banyakkah masalah harian bagi seorang jurutera itu merupakan masalah kejuruteraan, beberapa banyakkah masalah harian seorang ahli bahasa itu merupakan masalah bahasa, dan berapa ramaikah ahli politik yang berkelulusan sains politik? Sungguhpun demikian, kursus-kursus formal kejuruteraan sekurang-kurangnya membantu menyelesaikan masalah kejuruteraan samalah seperti kursus formal bahasa dan sains politik. Begitulah juga dengan kursus-kursus pengajian umum. Dengan berbekalkan pendidikan formal dalam sesuatu jurusan pengajian umum itu, seorang pelajar dapat menambahkan lagi pengetahuan dan pilihannya dalam menimbangkan keputusan-keputusan yang diambil, misalnya dalam pertimbangan moral dan pendekatan pengurusan keluarga, walaupun keputusannya itu tidak semestinya didapati keputusan yang terbaik kemudiannya.

Pendek kata, ada pelbagai reaksi semerta terhadap bidang pengajian umum dan sedikit sebanyak reaksi itu menggambarkan status pengajian umum kini dan sekurang-kurangnya untuk beberapa tahun akan datang. Oleh itu dalam menghalusi lagi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh bidang keilmuan ini yang perlu diambil kira untuk mengenal pasti hala tujunya, kita

seharusnya menfokus kepada ketiga-tiga golongan itu dengan “*game plan*” yang berbeza kerana khalayak yang juga berbeza.

CABARAN-CABARAN PENGAJIAN UMUM

Yang dimaksudkan dengan cabaran di sini adalah masalah-masalah yang positif, yang boleh dijadikan agenda bertindak kemudiannya.⁶ Cabaran-cabaran dalam bentuk yang positif ini juga kemudiannya boleh diterjemahkan dalam bentuk batu tanda menunjukkan sejauh mana telah dan boleh berkembangnya bidang pengajian umum ini sebagai satu disiplin ilmu yang kontemporari. Berikut adalah cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh mereka yang mengkhusus dalam bidang pengajian ini yang mengambil kira sikap golongan-golongan yang dibincangkan di atas.

Cabaran yang utama sekali adalah untuk menunjukkan yang bidang pengajian umum itu ada kewajarannya. Jika tidak ada rasionalnya untuk kewujudan bidang pengajian umum di institusi pengajian tinggi, maka tidak berbangkitlah isu-isu lain yang menjadi implikasi, bertolak daripada kewujudannya.

Kewajaran bidang pengajian umum, sekurang-kurangnya dari perspektif praktisnya, dapat diimbau daripada keperluan pasaran. Rata-rata bahagian jawatan kosong yang diiklankan dalam surat-surat khabar perdana sering menyenaraikan keperluan pekerja yang mempunyai kemahiran berinteraksi, berpengetahuan luas, menulis dengan baik dan berfikiran kritis serta dinamis.⁷

Keperluan yang nyata sekali ini menunjukkan kepada pewaham-pewaham bidang pengajian umum ini bahawa pengajian umum ada kegunaannya yang ketara dalam kehidupan masyarakat industri.

Jika ditinjau daripada sudut politik, khususnya perlaksanaan wawasan 2020, lagilah jelas kerana terteri di sana bahawa masyarakat Malaysia yang mahu dibentuk itu⁸ memerlukan ilmu latar yang boleh diberikan menerusi kursus-kursus pengajian umum.

Perpaduan adalah penting apatah lagi dalam masyarakat yang berbilang agama dan kaum di Malaysia. Tentulah perpaduan yang terbaik sekali adalah perpaduan yang berteraskan aqidah. Buat masa ini, perpaduan sedemikian hanya boleh berlaku dari segi teoritisnya di kalangan sesama orang Islam. Perpaduan di antara orang Islam dan bukan Islam mestilah berteraskan kepada perpaduan yang membolehkan kedua-dua golongan itu bekerjasama membangunkan negara. Manusia boleh berlainan matlamat, malah tidaklah mudah untuk menyatukan matlamat di antara golongan-golongan yang berbeza matlamat hidupnya. Namun demikian, lebih penting dari itu adalah keupayaan untuk bekerjasama walaupun dengan matlamat yang berbeza kerana ramai juga yang bermatlamat yang sama tetapi tidak boleh bekerjasama. Bekerjasama ini lebih mudah dicapai jika ada sifat saling faham-memahami

dan hormat-menghormati dan kursus pengajian umum yang berkaitan dengan perbandingan tamadun seperti kursus Tamadun Islam dan Tamadun-tamadun Asia (TITAS) dapat sedikit sebanyak membantu tercapainya hasrat ini. Kursus sedemikian akan meluaskan lagi pengetahuan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi tentang latar belakang budaya teman mereka yang berlainan kaum dan agama. Kursus ini juga boleh mengukuhkan lagi pengetahuan mereka tentang kesamaan yang sedia ada di dalam dan di antara masyarakat berbilang kaum. Kerjasama tidak boleh berlaku jika tidak ada langsung kesamaan di antara golongan-golongan yang berbeza itu, yang boleh dijadikan sebagai jambatan asas di antara mereka.

Menerusi kursus tamadun Islam jugalah salah faham terhadap Islam sedikit sebanyak boleh dikikis. Islam dipersembahkan sebagai sebuah tamadun yang dinamis, yang menyelesaikan banyak masalah manusia dan tidak diketengahkan sebagai ideologi politik yang sempit. Pendekatan ini tidak menidakkannya yang Islam juga ada sumbangannya yang bermakna dalam bidang politik khususnya dan dalam sejarah peradaban dunia amnya.⁹ Pendek kata, pengajian tamadun sebagai salah satu mata pelajaran pengajian umum yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan am pelajar dapat mengisi keperluan pelajar kepada pengetahuan asas yang luas.

Pada masa yang sama, kaitan di antara pengajian am dengan pengajian umum sering disalahfahami, yang juga menjadi punca menyebabkan pengajian umum dianggap remeh-temeh. Pengajian umum bukanlah pengajian am. Hubungan pengajian am kepada pengajian umum samalah seperti hubungan di antara aritmetik dengan matematik ataupun latihan fizikal dengan pendidikan jasmani. Pengetahuan am hanyalah salah satu daripada mata pelajaran pengajian umum dan bukannya pengajian umum seadanya. Kemahiran berfikir ataupun pengurusan emosi mahupun perbahasan kefalsafahan etika dan moral misalnya tidaklah boleh dimasukkan ke dalam kategori pengetahuan am sedangkan bidang-bidang itu jelas sekali adalah sebahagian daripada pengajian umum.

Pertimbangan-pertimbangan di atas menunjukkan yang bidang pengajian umum tidak layak untuk dianggap sebagai bidang sampingan yang seperti melukut tabiinya.

Pengajian Umum juga kurang mendapat liputan akademik di Malaysia, justeru tidak memerlukan berbanding dengan disiplin-disiplin lain, lantaran ramai yang kurang berpengetahuan tentang bidang ini.¹⁰ Mereka mungkin arif dalam mata pelajaran-mata pelajaran pengajian umum seperti kemahiran berfikir, etika dan pengurusan masa tetapi ini tidak bermakna mereka memahami falsafah pengajian umum itu. Dari segi analoginya, kita tidak boleh menyatakan bahawa mereka yang pandai bersenam itu arif dalam bidang pendidikan jasmani.

Lantaran itu menjadi cabaran bagi penggerak pengajian umum untuk menambahkan lagi penerbitan yang menjurus kepada pengajian umum. Misalnya di UKM sendiri sehingga akhir tahun 1997, belum ada lagi penerbitan yang mengkhusus kepada pengajian umum. Kurangnya penulisan yang berkaitan dengan pengajian umum tidaklah bermakna bahawa tidak adanya artikel-artikel yang dihasilkan dalam jurnal-jurnal lain yang menyentuh tentang

subjek pengajian umum. Akan tetapi kekaburuan tentang adanya pengkhususan inilah yang menjadi salah satu punca yang penting - jika pun tidak yang terpenting - yang mana menyebabkan adanya kekeliruan dan kejahanan tentang wujudnya pengajian umum. Bidang alam sekitar juga misalnya adalah bidang yang agak baru di Malaysia ini, walaupun penulisan tentang alam sekitar sudah lama terbit dalam pelbagai jurnal dan makalah popular. Keprihatinan tentang alam sekitar pada awalnya tidaklah seketara seperti hari ini. Isu alam sekitar hanya menjadi salah satu isu perdana apabila perhatian umum terfokus kepadanya akibat daripada kegiatan tenaga akademik yang berusaha menjadikannya suatu disiplin yang autonomi yang tidak sekadar multidisiplin, tetapi juga disiplin alternatif.

Pada hemat kami, cabaran yang ketiga inilah yang paling mendesak iaitu cabaran yang berkaitan langsung dengan peringkat perlaksanaan. Sekiranya masyarakat menerima yang pengajian umum itu tidak remeh dan ramai juga yang ingin tahu lebih lanjut tentang pengajian umum, maka tugas segera adalah memenuhi agenda negara dalam kerangka visi universiti ini. Lebih khusus lagi, fokusnya kini adalah untuk memenuhi cabaran-cabarannya yang disenaraikan dalam wawasan 2020, yang bersesuaian dengan peringkat pengajian tinggi dan sekaligus memastikan yang tidak adanya pertindanan dengan ilmu yang diberikan di peringkat prauniversiti mahupun di peringkat pengkhususan. Maksudnya, kursus ataupun lebih khusus lagi, disiplin pengajian umum mestilah dapat mewujudkan ceruk ilmu yang tidak dapat diisi di peringkat lain.

Mewujudkan ceruk ilmu pada tahap pengajian tinggi tidaklah mudah kerana setiap fakulti biasanya mencuba sedaya upaya untuk “serba boleh”, iaitu menjadikan fakulti mereka seautonomi mungkin. Akibatnya terdapat banyak kursus di universiti-universiti yang bertindan, yang sama lebih lima puluh peratus isi kandungannya. Sememangnya ada baiknya kursus-kursus yang bertindan ini kerana jumlah pelajar setiap kursus dapat dikurangkan dan lebih mudah diuruskan, tetapi sedikit sebanyak ianya mencairkan lagi ceruk ilmu pengajian umum kerana seolah-olah pengajian umum ini boleh diberikan sendiri oleh semua fakulti dan kita berbalik semula kepada keadaan asal, iaitu tidak perlu pengkhususan yang dinamakan “pengajian umum” itu kerana terlalu umumnya.

Pada peringkat bertindak ini, tidak ada lagi perselisihan dasar yang bersifat kefalsafahan seperti dalam paradigma Kuhn,¹¹ tetapi yang ada hanyalah pengisian agenda pembangunan. Tidaklah wajar mahupun munasabah untuk menjadikan kesemua cabaran yang digariskan dalam wawasan 2020 itu sebagai cabaran pengajian umum. Yang perlu diutamakan adalah cabaran-cabarannya yang boleh dijadikan ikatan aras bagi pembangunan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan tentunya bukan cabaran yang memerlukan pengkhususan yang teknikal tetapi pengajian yang bersifat kefalsafahan. Untuk mendapatkan ikatan aras inilah kita seharusnya jelas tentang hala tuju pengajian umum sebagai satu disiplin ilmu.

AGENDA PENGAJIAN UMUM

Bertolak daripada cabaran-cabaran yang dinyatakan di atas dan untuk menentukan arah disiplin pengajian umum, satu daripada pendekatan yang boleh di ambil adalah dengan menanda aras. Terdapat beberapa buah universiti yang menjadikan pengajian umum sebagai satu pengkhususan. Selain daripada universiti-universiti di Amerika Syarikat, University of Calgary di Kanada misalnya ada Fakulti Pengajian Umum. Ijazah yang dikeluarkan juga adalah ijazah pengajian umum. Ini menunjukkan bahawa pengajian umum sebagai satu disiplin pengkhususan bukanlah satu perkara yang pelik.

Bidang-bidang yang menjadi subdisiplin pengajian umum adalah bidang-bidang yang sezamannya sifatnya yang sekaligus berkaitan dengan kedinamikan perkembangan masyarakat setempat. Terdapat pengkhususan dalam jurusan pelancongan, masyarakat dan kegiatan masa lapang; undang-undang dan masyarakat; kajian jantina serta sains, teknologi dan masyarakat. Pengkhususan dalam sains, teknologi dan masyarakat misalnya membicarakan dengan mendalam tentang pemikiran industri yang merangkumi juga aspek falsafah, sejarah, psikologi, dan sosiologi industri. Pengkhususan yang sama juga boleh dikembangkan di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan memandangkan jurusan-jurusan di atas sangat relevan kepada perkembangan masyarakat kita yang semakin pesat pemodenannya.

Sistem pengajian tiga tahun yang sedang dijalankan ketika ini lebih memudahkan lagi pelajar mengambil pengkhususan pengajian umum kerana sub-subbidang ini boleh diambil sebagai major ataupun minor. Ini menjadikan seseorang pelajar itu lebih serba boleh dan mudah memasarkan dirinya kerana bertambahnya modal pengetahuan kendiri. Sebagai contohnya, seorang pelajar lulusan sains hayat tetapi mempunyai major kedua dalam bidang sains, teknologi dan masyarakat ataupun dalam bidang undang-undang dan masyarakat mempunyai lebih banyak pilihan apabila memohon jawatan berbanding dengan rakannya yang hanya mengkhusus dalam sains hayat.

Konsep “belajar sepanjang hayat” yang bertambah popular ekoran daripada usaha kerajaan untuk membangunkan masyarakat yang berteraskan pengetahuan dan bertolak daripada itu, ekonomi yang juga berteraskan pengetahuan, seharusnya mengukuhkan lagi disiplin pengajian umum kerana para pelajar setiap fakulti tradisional tidaklah dimestikan mengambil sebanyak mungkin kursus pengkhususan mereka seperti sebelumnya. Mereka senantiasa boleh meningkatkan pengetahuan pada peringkat kepakaran iaitu menerusi program-program lepasan ijazah. Pendekatan ini akan memastikan bahawa pelajar telah didedahkan kepada ilmu pengetahuan semasa yang luas dan kemahiran yang terkini.

Ada beberapa kerjaya yang tidak memerlukan pengetahuan khusus tetapi asas pengetahuan yang melebar sifatnya. Di sinilah letaknya kelebihan disiplin pengajian umum dan jika kita memikirkan untuk mewujudkan ijazah dalam pengajian umum, maka kerjaya yang memerlukan disiplin yang melebar asasnyalah yang menjadi keutamaan kita. Kami berpendapat graduan pengajian umum boleh meraih kejayaan yang lebih tinggi sekurang-kurangnya dalam kerjaya seperti ahli politik, pegawai tadbir dan diplomat, pegawai

perkhidmatan awam, guru, pegawai pengurusan sains, pegawai organisasi bukan kerajaan, wartawan, penulis novel, aktivis sosial, pegawai pelancongan dan pegawai sumber manusia, iaitu pekerjaan-pekerjaan yang biasanya melibatkan kepentingan umum. Senarai ini tentunya bukanlah senarai yang lengkap.

Berdasarkan pertimbangan-pertimbangan di atas, ingin kami tegaskan di sini bahawa sesungguhnya pengajian umum mempunyai masa depan. Pelajar-pelajar yang mengkhusus dalam bidang-bidang lain pun biasanya memerlukan latihan lanjut sebaik sahaja mereka menjadi kakitangan sesebuah organisasi. Ini menunjukkan bahawa kebanyakannya ijazah yang diperolehi tidaklah benar-benar menepati keperluan majikan. Begitu juga dengan mereka yang mengkhusus dalam bidang pengajian umum. Bidang pengajian umum boleh ditawarkan sebagai major kedua dalam program pengajian pelajar. Sebagai contohnya, pengajian umum boleh menjadi pengkhususan kedua bagi lulusan pengajian Islam, pendidikan, dan sains pembangunan. Major dalam program falsafah, iaitu bidang yang hampir kepada pengajian umum kerana sifat multidisiplin dan kelebaran asasnya, boleh juga ditawarkan di bawah pengajian umum. Juga termasuk dalam kategori ini adalah pengkhususan dalam bidang sains, teknologi dan masyarakat serta bidang-bidang lain yang telah dinyatakan sebelum ini. Kesemua bidang-bidang ini boleh ditawarkan sebagai major dan juga minor. Pelajar yang mengkhusus dalam bidang-bidang ini mempunyai peluang yang sama dengan pelajar-pelajar lain apabila memohon pekerjaan kerana melalui iklan-iklan pekerjaan di surat-surat khabar, banyak sekali pekerjaan-pekerjaan yang hanya memerlukan ijazah pertama (tanpa pengkhususan profesional seperti kejuruteraan dan perubatan) di samping kemahiran-kemahiran terkini.

Bagi para pengajar pengajian umum pula, kelebihan yang ada kerana mengendalikan kursus-kursus yang bersifat semasa seperti kemahiran berfikir dan persoalan nilai ataupun yang berkaitan dengan sains dan teknologi boleh menjadi aset penting untuk pembangunan masyarakat. Mereka boleh menawarkan kursus-kursus intensif untuk golongan profesional dan juga awam dan pada masa yang sama meningkatkan lagi kerjaya mereka. Sebagai contohnya di Charles Sturt University, Australia, kursus-kursus pendek berkenaan etika ditawarkan untuk tempoh dua hingga tiga minggu (sewaktu kelapanagan Intersemester) dan kursus ini diolah untuk golongan profesional. Kursus intensif berkenaan polisi sains untuk golongan profesional, yang diberikan untuk jangka masa dua minggu pula ada ditawarkan oleh Massachusetts Institute of Technology. Kursus ini adalah sebahagian daripada kursus pengajian umum.

KESIMPULAN

Ringkasnya, pengajian umum sememangnya mempunyai masa depan yang cerah dan peranan yang jelas serta besar dalam membangunkan negara. Agenda terpenting bagi penggerak pengajian umum kini adalah untuk membangunkan disiplin ini menerusi pengembangan pengkhususan masing-masing. Tanpa adanya pembangunan yang mantap dalam setiap

pengkhususan disiplin pengajian umum tidaklah ada jurusan-jurusan yang boleh dijadikan major ataupun minor yang boleh diambil oleh pelajar dan sekali gus tidak mungkin ada para lulusan daripada pengajian umum yang nantinya boleh menjadikan disiplin ini bertapak kukuh dan mapan.

Tidak seperti kebanyakan disiplin-disiplin lain, peluang terbuka luas bagi para akademik yang menceburি disiplin pengajian umum untuk membangunkannya dengan pesat. Tugas ini seharusnya menjadi lebih mudah dengan sokongan yang padu seperti yang terdapat dalam agenda politik negara dan visi universiti. Cabaran-cabaran yang dihadapi tidaklah begitu sukar untuk ditangani jika kita mengetahui kedudukan kita kini dan kemudiannya dapat memetakan cabaran-cabaran itu dengan lebih terperinci lagi. Sesungguhnya arah, hala tuju, jatuh bangun, perkembangan masa kini dan masa depan pengajian umum terletak pada tangan kita sendiri.

RUJUKAN

- 1 Zaharah Hassan & Mashitoh Yaacob, 1998. “Approaches of general education at tertiary level: A Plural Outlook” dlm. Abdul Kadir Hj Din & Mus Chairil Samani, *General Studies: The Education of Man*, Kuala Lumpur: Fulson Trading Co.
- 2 Sila lihat Carolyn M. Daugherty, 1998. “The Future of General Studies in American Higher Education” dlm. *Ibid*. Kami berpendapat kursus-kursus pengajian umum di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan juga bukan terhasil daripada perancangan yang rapi. Sebagai contohnya, tidak ada pusat yang khusus yang mentadbirkan kursus-kursus pengajian umum di institusi-institusi tersebut.
- 3 Sila rujuk *Laporan Jawatankuasa Kajian Semula Kedudukan Kursus-kursus Pengajian Umum*, 1999. (UKM, Pusat Pengajian Umum). Kajian dilakukan terhadap keperluan majikan, maklum balas *focus group*, input para pensyarah dan juga daripada pelajar-pelajar.
- 4 Sila lihat bab ketujuh dlm. David C. Lindberg, 1992. *The Beginnings of Western Science: The European Scientific Tradition in Philosophical, Religious, and Institutional Context, 600 B.C. to A.D. 1450*, (Chicago: The University of Chicago Press). Walaupun bidang perubatan dan senibina kadangkala diambilkira, pada kebiasaannya pengetahuan umum yang diberikan hanya berteraskan kepada tujuh mata pelajaran tersebut.
- 5 Walaupun banyak sekali pandangan tentang hakikat moden itu (misalnya yang diketengahkan oleh Abdel-Qader Yassine, 1998. “Understanding Modernity in One's Own Terms” dlm. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Jld. 15, No. 2 yang melihat moden itu sebagai bercanggah dengan kepercayaan yang adanya kemutlakan dalam falsafah kehidupan), peranan terpenting institusi pendidikan masih tidak lari daripada menyediakan pelajarnya keupayaan untuk hidup dengan baiknya dalam masyarakat terkini.
- 6 Untuk perbincangan yang lebih mendalam tentang tabii masalah, sila rujuk Bah. I dan Bah. II dlm. David Miller, pnyt., 1985. *Popper Selections*. Princeton University Press, Princeton.
- 7 Sila lihat Laporan..., *op.cit*.
- 8 Sila lihat *Malaysian Management Review*, 1992. Jld. 27, No. 3. Jurnal ini mengandungi teks Wawasan 2020 dan artikel-artikel yang mengulas tentangnya daripada pelbagai perspektif; dari segi Rancangan Malaysia keEnam, dari sudut nilai moral dan etika, sains dan teknologi, juga dari segi ekonomi dengan agak terperinci. Hampir keseluruhannya menekankan kepentingan kepada tenaga manusia yang beradab, punya pengetahuan yang luas dan kemahiran terkini.

- 9 Sebagai contohnya, sila lihat Mehrdad Haghayeghi, 1995. *Islam and Politics in Central Asia*. New York: St. Martin Press, dan Nehemia Levzion 1994. *Islam in West Africa: Religion, Society and Politics to 1800*. Brookfield: Ashgate Publishing Ltd.
- 10 Di sini kami merujuk kepada falsafah pengajian umum itu sendiri dan bukannya jurusan-jurusan dalam pengajian umum. Sila lihat Syed Hussein Alatas, 1998. "Philosophical Foundation of General Education", *Akademika*, Bil. 53. Julai 1998.
- 11 Sila lihat Abdul Latif Samian, 1994. "The Impact of Kuhn's Structure of Scientific Revolutions on Sociology of Science", *Akademika*, Bil. 44. Menurut Kuhn, dasar sesuatu paradigma sains itu hanya wajar diperbahaskan pada peringkat awal perkembangannya atau apabila sesuatu paradigma itu sudah kehabisan keampuhan teori-teorinya.